

# UIAM johan selepas 8 tahun

**BATU PAHAT** - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) diumumkan sebagai juara Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara IPT 2013 setelah menerima saingan hebat daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) di peringkat akhir.

Terdahulu, UIAM terpaksa bersaingan dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), diperingkat separuh akhir sebelum menewaskan UiTM dan berjaya membawa piala pusingan serta wang tunai sebanyak RM6,000 juga beberapa hadiah iringan lain.

Ketua pasukan debat UIAM, Abdul Muiz Mustafa berkata, usaha

pasukannya selama sebulan membuktikan hasil dan dia bersama tiga lagi pendebat yang lain tidak menyangka terpilih sebagai juara.

Menurutnya, saingen dari pada 25 IPT lain sangat sengit kerana peserta yang menyertai pertandingan berkenaan begitu handal, namun bersyukur kerana berjaya memenangi beberapa peringkat sebelum mengulanginya di peringkat akhir.

"Kejayaan yang kami peroleh ini didorong 'senior' kami yang dua kaliberjaya memasuki pusingan akhir, berjaya pada 2005, namun tewas pada 2010, dan kami ulangi kejayaan yang diperoleh lapan tahun lalu.

"Kerja keras yang kami lakukan sebelum ini, termasuklah mengumpul data daripada beberapa agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan yang lain-lain adalah kunci kejayaan kami."

"Dengan fakta berkenaanlah kami gunakan dalam debat ini, selain keyakinan diri serta melihat beberapa siri debat termasuklah di Parlimen," katanya kepada *Sinar Harian* selepas pertandingan berkenaan berakhir.

Pasukan debat itu turut disertai tiga lagi mahasiswa iaitu, Fawza Sabila Faudzi, Nur Ezzah Abdullah dan Muhammad Anas Shafiee.



Jurulatih pasukan debat UIAM, Datin Norjuma Habib Mohamed (tengah) bersama anak buahnya.